



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-88849586 (Aras 3)
+603-88849370 (Aras 4)
Faks : +603-88849315
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/7/1 Jld. 9 (18)
Tarikh : 02 Januari 2019

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

**Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah**

YBhg. Dato'/Tuan,

**PENGUNAAN BORANG PERMOHONAN BANTUAN PERSEKOLAHAN SECARA
BERSEPADU KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**


Dengan segala hormatnya surat dari Bahagian Kewangan KPM bernombor rujukan KPM.800-4/3/2Jld.4(54) bertarikh 19 Disember 2018 dan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, dilampirkan bersama surat dari Bahagian Kewangan tersebut yang menerangkan tentang borang tersebut yang akan mula digunapakai bermula Januari 2019. Kerjasama dari pihak YBhg. Dato'/tuan diminta untuk memaklumkan perkara ini kepada sekolah di bawah seliaan masing-masing.
3. Bagi tujuan tersebut juga, taklimat dan penerangan akan diberikan kepada pegawai YBhg. Dato'/tuan yang menguruskan bantuan murid tentang penggunaan borang tersebut untuk diselaraskan kepada semua sekolah.
4. Sebarang pertanyaan mengenai perkara tersebut, pihak YBhg. Dato'/tuan boleh menghubungi **Encik Hairunizad bin Haron** di talian **03-88849408** atau **016-7118427**.
Sekian.

Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PESOL BIN MD SAAD
Timbalan Pengarah (Sekolah)
b.p. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

/hh spkia Januari 2019

Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung



SEKTOR PENGURUSAN KESIHATAN
INTERVENSI & ASRAMA

21 DEC 2018

Bagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Seperi Senarai Edaran

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENGUNAAN BORANG PERMOHONAN BANTUAN PERSEKOLAHAN
SECARA BERSEPADU KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bantuan Persekolahan kategori khusus dilaksanakan mengikut pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa dan menggunakan pelbagai borang berdasarkan jenis bantuan tertentu. Pelaksanaan penggunaan borang ini diuruskan dengan bantuan guru-guru di peringkat sekolah. Sehubungan itu, untuk mengurangkan beban tugas guru di sekolah dalam pengurusan bantuan persekolahan, KPM telah mewujudkan suatu borang yang seragam bagi permohonan beberapa bantuan persekolahan khusus secara bersepadu.

3. Borang tersebut hendaklah digunapakai oleh pihak sekolah mulai tahun 2019 bagi permohonan bantuan khusus seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform (BPS), Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK), Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP), Biasiswa Sukan (BS) dan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) atau lain-lain bantuan persekolahan di bawah KPM yang bersesuaian. Melalui penggunaan borang ini, murid hanya perlu mengisi satu borang sahaja pada setiap tahun bagi permohonan beberapa bantuan persekolahan khusus dan hanya perlu melampirkan satu borang pengesahan pendapatan ibu bapa/ penjaga.

4. Bersama-sama ini dilampirkan perkara-perkara berikut:

- i) **Borang PB-1: Borang Permohonan Bantuan Persekolahan KPM Bagi Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK).** Oleh itu, borang permohonan ini membatalkan borang permohonan bantuan sedia ada yang berbeza-beza mengikut jenis bantuan yang termaktub di

21 DEC 2018

Ruj. Kami: KPM.800-4/3/2 Jld.4 (54)

Tarikh : 19 Disember 2018

① UT (PLM) -

SEKTOR PENGURUSAN KESIHATAN
INTERVENSI & ASRAMA
TERIMA PADA

27 DEC 2018

PENGARAH
BPSH

KU Bantua
Tindakan
Jusaid
25/12

② KPN SPICIA
Makl
hebat
TP (MURID)
BPSH

berbeza-beza mengikut jenis bantuan yang termaktub di dalam Surat Pekeliling Kewangan (SPK) yang sedang berkuatkuasa;

- ii) **Borang PB-2 : Borang Pengesahan Pendapatan.** Oleh itu, borang ini membatalkan borang pengesahan pendapatan sedia ada yang berbeza-beza mengikut jenis bantuan yang termaktub di dalam SPK yang sedang berkuatkuasa;
- iii) **Borang PB-3 : Borang Tambahan bagi permohonan BKP dan BS.** Oleh itu, borang ini membatalkan Lampiran A di dalam Manual Prosedur Kerja BKP Tahun 2017 dan Manual Prosedur Kerja BS yang terkini.

5. YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan diminta supaya memaklumkan perkara ini kepada sekolah di bawah seliaan masing-masing untuk digunapakai mulai tahun 2019 dan perkara ini boleh dicetak dari Portal KPM. Dalam tempoh transisi ini, KPM tiada halangan sekiranya pihak sekolah telah mengedarkan borang permohonan bantuan sedia ada kepada murid-murid bagi tujuan pemberian bantuan tahun 2019.

6. Perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAMZI BIN MANSOR)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
No. Tel : 03-88847474
No. Fax : 03-88847679
Emel : ramzi@moe.gov.my

Salinan Kepada:

KSU

KPPM

TKSU (PP)

Senarai Edaran:



Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Pengarah
Bahagian Sukan

Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah
Kecemerlangan



**BORANG PERMOHONAN BANTUAN PERSEKOLAHAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAGI SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN**

Borang ini perlu dikemukakan oleh ibu bapa/penjaga bagi permohonan semua jenis bantuan pendidikan (khusus) KPM.

- (i) Borang ini perlu diisi oleh Ibu Baba / Penjaga murid.
- (ii) Sila sertakan juga sesalinan dokumen Sijil Lahir, Kad Pengenalan Ibu Baba/Penjaga, Bukti Pendapatan (Slip Gaji / Penyata Pendapatan / Borang Pengesahan Pendapatan - Lampiran A), kad OKU dan Sijil Kematian Ibu Baba/Penjaga (jika berkenaan). Semua salinan dokumen hendaklah disahkan.
- (iii) Lampiran B - Perlu diisi bagi permohonan bantuan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) dan Biasiswa Sukan (BS) KPM.
- (iv) Sila tandakan (/) pada ruangan berkaitan. Permohonan ini akan ditolak sekiranya butiran yang diberikan tidak lengkap atau tidak benar.

BAHAGIAN A (Diisi oleh pihak sekolah)

Kod Sekolah : Nama Sekolah :

Alamat Sekolah :

Pejabat Pendidikan Daerah :

BAHAGIAN B BUTIR DIRI MURID (Diisi oleh Ibu Baba / Penjaga)

Nama Murid : _____ Warganegara : _____

Tarikh Lahir : _____ No. Sijil Lahir : _____ No. Kad Pengenalan : _____

Nombor Kad OKU : _____ (Jika Berkaitan)

Darjah / Tingkatan : _____ Jantina : Lelaki Perempuan Bangsa : _____

Tempat Lahir : _____ Tarikh Mula Bersekolah / Bersekolah Semula : _____

Alamat Rumah : _____

Tempat tinggal murid semasa bersekolah Rumah Asrama KPM Rumah Kebajikan

Jika murid pernah menerima bantuan (tunai atau bukan tunai), sila nyatakan:-

- (a) Jenis Bantuan : _____
- (b) Tahun Terima : _____ (c) Tempoh : _____
- (d) Nilai Setahun : _____ (e) Penaja / Agensi : _____

BAHAGIAN C PENDAPATAN KELUARGA (Diisi oleh ibubapa / penjaga)

- (i) Pendapatan Keluarga

Bil.	(A) Maklumat Penjaga Utama	(B) Maklumat Penjaga Kedua
(a)	Nama :	Nama :
(b)	No. K.P.:	No. K.P.:
(c)	Warganegara:	Warganegara:
(d)	Pekerjaan :	Pekerjaan:
(e)	Pendapatan Sebulan : RM	Pendapatan Sebulan : RM
(f)	No. Telefon Rumah :	No. Telefon Rumah :
(g)	No. Telefon Bimbit :	No. Telefon Bimbit :
(h)	No. Telefon Pejabat :	No. Telefon Pejabat :
(i)	Nama dan Alamat Majikan : _____ _____ _____	Nama dan Alamat Majikan : _____ _____ _____
(j)	Jumlah Pendapatan Sebulan Isi Rumah (A+B) = RM.....	

* Semua elaun/bayaran tidak tetap seperti kerja lebih masa (OT), elaun kehadiran dan bonus tidak diambil kira sebagai pendapatan tetap.

- (ii) Tanggungan IbuBapa/Penjaga (keluarga asas & termasuk pemohon)
 (Keluarga asas terdiri daripada ibu bapa/penjaga dan anak-anak. Anak-anak yang telah bekerja atau berumah tangga dan berumur 21 tahun ke atas tidak lagi menjadi tanggungan ibubapa / penjaga, kecuali anak kurang upaya atau masih menuntut di Institusi Pengajian Tinggi)

Bil.	Nama	Umur	Hubungan	Nama Institusi (Sekolah, Kolej, IPTA, IPTS, dll)
(1)				
(2)				
(3)				
(4)				
(5)				
(6)				
(7)				

(Sila gunakan Lampiran sekiranya ruang di atas tidak mencukupi)

BAHAGIAN D PERAKUAN

Perakuan Ibu / Bapa / Penjaga	
PERINGATAN	
Pernyataan butiran yang palsu dengan niat memperdaya atau mengelirukan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi meluluskan skim bantuan ini adalah melakukan satu kesalahan rasuah di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang membawa hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.	
Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	
PERAKUAN IBU/BAPA/PENJAGA	
Saya telah baca peringatan di atas dan saya mengaku segala butiran yang diberi adalah benar belaka dan pendapatan yang diisytiharkan adalah pendapatan yang benar, sejajar dengan kehendak Borang Permohonan Bantuan Murid dan sebarang pernyataan palsu akan mendedahkan saya kepada pendakwaan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia.	
Tandatangan Ibu/ Bapa / Penjaga	:
Nama Ibu / Bapa / Penjaga	:
No. K/P	:
Tarikh	:

BAHAGIAN E KELULUSAN JAWATANKUASA BANTUAN MURID PERINGKAT SEKOLAH

Asas pertimbangan lain yang boleh diambil kira dan dipersetujui ahli mesyuarat jika ada (gaya hidup keluarga, pendaftaran e-kasih, pemilik kad OKU, maklumat masyarakat setempat, maklumat guru dll):

Mesyuarat memutuskan bahawa permohonan murid/pelajar di atas diluluskan bagi bantuan berikut (tandaan /):

Kelulusan (/)	Bantuan Pendidikan	Justifikasi
RMT	Rancangan Makanan Tambahan	
KWAPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin	
BPS	Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform	
EMK	Elaun Murid Berkeperluan Khas	
BKP	Biasiswa Kecil Persekutuan	
BS	Biasiswa Sukan	
BAP	Bantuan Awal Persekolahan	
<i>Bantuan-bantuan Lain yang Diluluskan</i>		

(Tandatangan Pengetua/ Guru Besar & cop rasmi)

Nama :

Tarikh :

No. Kad Pengenalan :

BORANG PENGESAHAN PENDAPATAN

(* NOTA : Untuk dilengkapkan oleh Ibu Bapa/Penjaga yang tidak mempunyai Slip Gaji / Penyata Gaji / Pencen)

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT BAPA	
Nama :	
No. K.P :	No. K.P Lama/ ; Tentera/ Polis
Pekerjaan :	
No. Telefon :	
Pendapatan Kasar : Bulanan	Pendapatan Bersih : Bulanan
BAHAGIAN 2: MAKLUMAT IBU	
Nama :	
No. K.P :	No. K.P Lama/ ; Tentera/ Polis
Pekerjaan :	
No. Telefon :	
Pendapatan Kasar : Bulanan	Pendapatan Bersih : Bulanan
BAHAGIAN 3: MAKLUMAT PENJAGA (diisi sekiranya murid tinggal dengan penjaga)	
Nama :	
No. K.P :	No. K.P Lama/ ; Tentera/ Polis
Pekerjaan :	
No. Telefon :	
Pendapatan Kasar : Bulanan	Pendapatan Bersih : Bulanan
BAHAGIAN 4: PERAKUAN DAN PENGESAHAN	
<p>Saya dengan ini mengesahkan maklumat yang diberikan ini adalah BENAR menurut Akta Akuan Berkanun 1960. Sekiranya saya didapati memberi dan mengesahkan maklumat yang tidak benar, saya boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 193, Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh boleh sampai tiga (3) tahun dan boleh juga dikenakan denda.</p>	
Tandatangan Ibu/ Bapa/ Penjaga	Di hadapan saya ;
Nama : No. K.P : Tarikh :	Tandatangan dan Cop Rasmi Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan & Professional/ Pengerusi JKKK/ Penyelia Pembangunan Mukim/ Penghulu/ Penggawa/ Ketua Kampung atau yang setaraf dengannya)

PERMOHONAN BIASISWA KECIL PERSEKUTUAN (BKP) / BIASISWA SUKAN (BS)

(* NOTA : Untuk dilengkapkan bagi permohonan Biasiswa Kecil Persekutuan atau Biasiswa Sukan)

BAHAGIAN A : BUTIRAN AKADEMIK

(Peperiksaan tahun berakhir yang pernah diduduki oleh pemohon dan disertakan slip keputusan peperiksaan) - Pilih 7 mata pelajaran terbaik termasuk mata pelajaran wajib.

Bil	Mata Pelajaran	Peperiksaan / Gred			
		UPSR	PT3	Akhir Tahun	SPM
a.	Bahasa Melayu (wajib)	Pemahaman			
		Penulisan			
b.	Bahasa Inggeris	Pemahaman			
		Penulisan			
c.	Matematik				
d.	Sains				
e.	Sejarah				
f.	Geografi				
g.	Pendidikan Islam / Pendidikan Moral				
h.	Kemahiran Hidup Bersepadu				
i.					

BAHAGIAN B : AKTIVITI (Sila sertakan salinan dokumen yang disahkan)

Sila tandakan (/) di ruang berkenaan

SUKAN

- a. Peringkat Antarabangsa
- b. Peringkat Kebangsaan

MAKLUMAT SIJIL PENCAPAIAN TERBAIK SUKAN (**Perlu diisi bagi permohonan Biasiswa Sukan)

- a. Sukan: _____
- b. Nama Kejohanan: _____
- c. Penandatanganan Sijil: _____
- d. Jawatan Penandatanganan: _____

PERSATUAN

- a. Ketua Pengawas / Pengerusi
- b. Naib Pengerusi / Pengawas / Setiausaha / Pengawas Perpustakaan
- c. Penolong Setiausaha / Bendahari
- d. Ahli Jawatankuasa
- e. Ahli Biasa

PAKAIAN SERAGAM

- a. Ketua / Group Leader / Drum Major
- b. Sarjan / Korporal / Lans Korporal
- c. Ahli Jawatankuasa dan pangkat-pangkat lain
- d. Ahli Biasa

BAHAGIAN C : PENGESAHAN SEKOLAH

Pihak sekolah mengesahkan maklumat diatas adalah benar. Sekiranya didapati maklumat-maklumat yang dikemukakan ini tidak betul atau murid ini terlibat dalam kes disiplin, tindakan akan diambil untuk menarik balik penawaran biasiswa ini.

Nama dan Tanda tangan Pengetua :

Cap Rasmi :

Tarikh :